

Edisi Kelima  
Mei 2009

Terbitan Jabatan Penerangan

## Majlis Penyerahan Poster Sempena Ulang Tahun ABDB Ke-48

Kementerian Pertahanan dengan kerjasama Jabatan Penerangan telah mengadakan Majlis Penyerahan Poster Sempena Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-48 pada 18 Mei, bertempat di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar.

Hadir di majlis tersebut ialah Kolonel (L) Nooradin bin Haji Yaakob selaku Timbalan Pengurus Jawatankuasa Sambutan Ulang Tahun ABDB Ke-48; Pengarah Penerangan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong; Pegawai-pegawai ABDB, Pegawai-pegawai Jabatan Penerangan dan para Pegawai Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan.



Pengarah Penerangan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong menyampaikan ucapan alu-aluan.

Sebelum acara penyerahan poster dimulakan, ucapan penghargaan telah disampaikan oleh Timbalan Pengurus Jawatankuasa Ulang Tahun ABDB Ke-48. Manakala penyerahan poster disempurnakan oleh Pengarah Penerangan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong kepada penerima-penerimanya termasuk Cawangan Jabatan Penerangan di daerah-daerah.

Pada tahun ini, pihak Jabatan Penerangan telah mencetak sebanyak 1,000 keping poster yang akan diagih-agihkan di keempat-empat daerah melalui kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.



Pengarah Penerangan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong menyempurnakan penyerahan poster kepada wakil anggota beruniform (atas kiri dan kanan) dan kepada wakil kementerian dan jabatan kerajaan (kiri).



Layarilah laman web PELITA BRUNEI melalui:  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>  
 E-mail: [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)  
 Keluarannya setiap 2 kali seminggu ( Rabu dan Sabtu).

### Sidang Redaksi

#### Penasihat

Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong

#### Ketua Pengarang

Hajah Noorashidah Haji Aliomar  
Sastra Sarini Haji Julaini

#### Ahli Sidang Pengarang

Noriah Haji Abdul Hamid  
Hajah Noorhijrah Haji Idris  
Hajah Zaianit Haji Noorkhan  
Aidah Hidop  
Hajah Apsah Haji Sahdan

#### Penyumbang Berita

Ismalee Haji Abdul Rahman  
Hajah Norpisah Md. Salleh  
Nor Ajijah Mohammad  
Asnah Diwa  
Bahagian-bahagian  
Cawangan Daerah-daerah

#### Penyemak

Hajah Norpisah Md. Salleh

#### Penyelaras Online

Haji Ariffin Mohd. Noor

#### Fotografi

Bahagian Fotografi  
&  
Audio Visual  
Bahagian Perhubungan Awam  
Bahagian Berita Inggeris  
&  
Media IT  
Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad

#### Reka Letak

Hajah Apsah Haji Sahdan

- Majlis Penyerahan Poster ABDB 1
- Program MOU Penerangan Brunei - Malaysia 3
- Bengkel Adat Istiadat 4-5
- Menerima Pingat Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke- 62 6
- MRO Bertugas 7
- Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008-2009 8
- Selamat Hari Lahir

### Sekapur Sirih

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

Kesibukan kerja jabatan pada setiap bulan begitu ketara sekali kapabila pada setiap minggu pelbagai aktiviti dilaksanakan oleh setiap bahagian dalam jabatan. Sesuai dengan misi jabatan 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat', setentunya program-program yang telah disusun dan dirancang akan dilaksanakan dengan penuh teliti untuk memastikan pencapaian matlamat yang diharangkan.

Pada bulan ini, seperti biasanya setiap tahun terlibat dalam penerbitan Poster Sempena Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dengan kerjasama ABDB. Jabatan diberi kepercayaan untuk mencetak dan membantu mengedarkan poster-poster ini di keempat-empat daerah. Apa yang diharapkan adalah untuk jabatan terus meningkatkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dalam sama-sama mempromosikan aktiviti kerajaan kepada orang ramai.

Jabatan juga pada bulan ini mengendalikan Bengkel Adat Istiadat dalam usaha untuk memperlengkapkan ilmu pengetahuan mengenai adat istiadat. Bengkel yang diadakan bagi Pegawai-pegawai Perhubungan Awam, Pegawai Penghubung Media dan pengamal media-media tempatan adalah diharapkan akan dapat memberikan garis pandu dalam melaksanakan kerja-kerja sehari-hari.

Akhirnya diucapkan tahniah kepada semua pegawai dan kakitangan yang telah dikurniakan Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) dan Pingat Kerja Lama (PKL) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini.

Wassalam.

**DR. HAJI MUHAMMAD HADI BIN MUHAMMAD MELAYONG**  
Pengaruh Penerangan

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382012 atau 2381997

Atau e-mel terus ke [wartapenerangan@gmail.com](mailto:wartapenerangan@gmail.com)

## Program Memorandum Persefahaman (MOU) Di Antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam - Malaysia

Jabatan Penerangan telah mengundang dua orang Pegawai Penerangan sebagai pemerhati bagi program jabatan iaitu Information Department - BELTA Oratory Final Competition 2009. Dalam masa yang sama jabatan juga mengundang dua orang johan Pertandingan Pidato Peringkat Akhir Negara Malaysia berserta seorang pegawai pengiring dari Jabatan Penerangan Malaysia. Mereka telah berada di Negara Brunei Darussalam pada 13 - 16 April 2009.

Selain dari menghadiri Peraduan Pidato, rombongan juga telah membuat kunjungan hormat kepada Pengarah Penerangan dan kunjungan muhibah kepada Ketua Kampong Sungai Matan.

Semasa berada di sini rombongan juga dibawa melawat ke Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Jabatan Mufti Kerajaan, ke Pusat Promosi Kesihatan di Jalan Commonwealth Drive, Bangunan Alat-alat Kebesaran Diraja dan dibawa bersiar di sekeliling Kampong Ayer dan sekitar Bandar Seri Begawan.



Bergambar kenangan bersama Pengarah Penerangan ketika berkunjung ke Jabatan Penerangan.



Rombongan beramah mesra bersama Pengarah Penerangan dan pegawai-pegawai Jabatan Penerangan.



Rombongan wakil dari Malaysia ketika menghadiri Peraduan Pidato yang berlangsung di Dewan Raya, Radio Televisyen Brunei.



Gambar-gambar sekitar lawatan ke Kampong Ayer dan Bangunan Alat-alat Kebesaran Diraja.

## Bengkel Adat Istiadat bagi PRO, MRO dan Pengamal Media Tempatan



Para peserta bergambar ramai bersama penceramah-penceramah jemputan Bengkel Adat Istiadat dan Pengarah Penerangan.

Seramai 48 orang Pengamal-pengamal Media Tempatan dan Pegawai Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan telah mengikuti Bengkel Adat Istiadat bagi Pegawai Perhubungan Awam (PRO), Pegawai Penghubung Media (MRO), Pengamal Media Tempatan dan pegawai serta kakitangan Jabatan Peneranganan Juran Jabatan Penerangan.

Untuk pertama kalinya tahun ini Jabatan Penerangan menganjurkan bengkel seumpamanya.

Bengkel diadakan selama tiga hari

bermula hari Selasa, 19 Mei hingga hari Khamis, 21 Mei dan diadakan di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan.

Sebanyak empat buah kertas kerja dibentangkan iaitu 'Susunan Kedudukan Jemputan' yang disampaikan oleh Awang Razali bin Haji Badar, Pegawai Protokol dari Jabatan Adat Istiadat Negara; 'Adat Istiadat Brunei' dan 'Tata tertib Di Majlis-majlis Beristiadat' yang disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Mohd. Yusof, Penolong Kanan Yang Dipertua Adat

Istiadat Negara dan 'Terasul, Bahasa Pengganti Diri dan Kepentingan Bahasa Dalam' yang disampaikan oleh Pengiran Dr. Hidop bin Pengiran Haji Shamsuddin, Penolong Yang Dipertua Adat Istiadat Negara; di samping lawatan ke Bangunan Lapau & Bangunan Alat-alat Kebesaran Diraja.

Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengarah Penerangan, bertempat di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya.



Pengarah Penerangan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong menyampaikan ucapan alu-aluan di Majlis Perasmian Bengkel Adat Istiadat.



Sebahagian daripada peserta yang mengikuti Bengkel Adat Istiadat sedang mendengar ceramah yang disampaikan oleh penceramah Jabatan Adat Istiadat.



## Para Peserta Bengkel Adat Istiadat Membuat Lawatan ke Lapau dan Bangunan Alat-alat Kebesaran Diraja



Para peserta bengkel diberi taklimat semasa melawat ke Bangunan Alat-alat Kebesaran Diraja.



Semasa lawatan ke Lapau para peserta bengkel juga diberikan kesempatan mengambil peranan dalam mempraktikkan adat istiadat diraja.



Majlis Penutup Bengkel Adat Istiadat dan penyampaian sijil kepada para peserta disampaikan oleh Awang Azman bin Haji Abd. Rahim, Ketua Bahagian Pameran selaku wakil Pengarah Penerangan.

## Menerima Pingat Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-62



Sebahagian daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang dikurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam yang disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Istiadat Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke -62 telah berlangsung pada 23 Mac di Balai Singgahsana Indera Kencana, Istana Nurul Iman.

Berangkat menyempurnakan pengurniaan pingat-pingat tersebut Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Seramai 10 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan telah terpilih menerima anugerah tersebut.

Pegawai dan kakitangan tersebut ialah:

Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, Pegawai Penerangan, yang menerima Pingat Kerja Lama (P.K.L).

Awang Abdullah bin Haji Damit, Jurugambar Tingkat I, yang menerima Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B).

Awang Samle bin Haji Jait, Penolong Penyunting Tingkat II, yang menerima Pingat Kerja Lama (P.K.L).

Lain-lain penerima P.I.K.B. ialah Awang Abdullah bin Sabang, Pembantu Pegawai Luar Penerangan; Cawangan Belait dan Seria;

Awang Esa bin Haji Sabli, Penolong Pegawai Luar Penerangan;

Akoi Anam, Pembantu Pegawai Luar Penerangan Cawangan Tutong;

Awang Haji Abdul Razak bin Ghani, Pembantu Pegawai Luar Penerangan Cawangan Temburong;

Lim Ting Tiang, Pembantu Pegawai Luar Penerangan Cawangan Temburong dan Awang Hashim bin Haji Murah, Kerani.

### Ucapan Tahniah

Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan mengucapkan tahniah kepada Dayang Norliah binti Mohd. Zain, Penolong Penyunting Tingkat II

di Bahagian Pelita Brunei kerana selamat melahirkan cahaya mata pertama seorang anak damit belaki pada 26 Mei.

## Pegawai Penyelaras Media (MRO) yang bertugas pada bulan Mei

Media Relations Officer (MRO) adalah merupakan perkhidmatan yang banyak membantu pergerakan kepada media-media yang membuat liputan dan penggambaran bila mana ada acara-acara yang melibatkan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan serta kerabat diraja.

MRO akan siap sedia untuk bertugas pada masa yang dikehendaki dan pada masa bukan waktu pejabat tidak kira siang atau malam.



Gambar sumbangan:  
Dayang Faridah binti Haji Kaderi

2 Mei	Mesyuarat dan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ke Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC).
4 Mei	Sidang media bersama Dr. Hjh Rahimah binti Haji Mohd Said, Ketua Pengarah Kesihatan di bangunan baru NDMC.
16 Mei	Majlis Konvokesyen Institut Teknologi Brunei di Pusat Persidangan Antarabangsa
18 Mei	Raptai Forum Melayu Islam Beraja (MIB) di Pusat Persidangan Antarabangsa.
19 Mei	Forum Melayu Islam Beraja (MIB) di Pusat Persidangan Antarabangsa.
24 Mei	Hari Tenaga di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien.
27 Mei	Musabaqah Al-Quran di Pusat Persidangan Antarabangsa.
28 Mei	Musabaqah Al-Quran di Pusat Persidangan Antarabangsa.
31 Mei	- Sambutan Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di Markas Angkatan Tentera Udara. - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ke luar negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

## Kakitangan Baru Berkhidmat

Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada kakitangan yang baru berkhidmat.



Masnah binti Haji Mohd. Tamin  
Jawatan: Pekerja Tingkat IV  
Tarikh melapor: 16 Mei 2009



Juliana binti Mindas  
Jawatan: Pekerja Tingkat IV  
Tarikh melapor: 14 Mei 2009



Marlina binti Haji Jamal  
Jawatan: Pekerja Tingkat III  
Tarikh melapor: 18 Mei 2009



Hajah Sabariah binti Haji Drahman  
Jawatan: Pekerja Tingkat IV  
Tarikh melapor: 14 Mei 2009




Hajah Rohayah binti Haji Awang Japar  
Jawatan: Pekerja Tingkat IV  
Tarikh melapor: 21 Mei 2009

# Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008-2009

Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008 - 2009 akan menutup tirainya setelah memilih pemenang bagi bulan terakhir - April dengan tema 'Foto Terbaik Saya' (My Best Shot) yang ditutup penyertaannya pada 15 Mei.

Bagi Kategori Jurugambar, Ak. Amirul Nizam bin Pengiran Haji Mohd. Ali telah menduduki tempat pertama melalui gambar 'Serangga', manakala bagi Kategori Pegawai dan Kakitangan, Awang Haji Masrin bin Bahrin telah menjuarainya melalui gambar 'Tunas Orkid'.

Majlis Penyampaian Hadiah bagi tahun 2008-2009 kepada para pemenang kedua-dua kategori dijangka akan diadakan pada bulan Ogos depan.



'Tunas Orkid' oleh Awang Haji Masrin bin Bahrin telah menjuarai peraduan bagi Kategori Pegawai dan Kakitangan.

'Serangga' oleh Ak. Amirul Nizam bin Pengiran Haji Mohd. Ali telah mendapat tempat pertama bagi Kategori Jurugambar.

## Keputusan Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008 - 2009

### Kategori Jurugambar

- Pertama: Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Haji Tengah  
Kedua: Awang Masri bin Osman  
Ketiga: Ak. Amirul Nizam bin Pg. Haji Mohd. Ali

- 107 mata  
- 105 mata  
- 90 mata

### Kategori Pegawai dan Kakitangan

- Pertama: Awang Samle bin Haji Jait  
Kedua: Dayang Jennifer Mok Thai Geok  
Ketiga: Awang Abu Bakar bin Haji Abdul Rahman

- 104 mata  
- 84 mata  
- 70 mata

*Selamat Hari Lahir*

Dayang Nor Hasnah binti Haji Ahaim	1 Mei
Dayang Norainah binti Haji Ibrahim	4 Mei
Awang Haji Besar bin Haji Mamit	7 Mei
Dayang Aidah binti Hidop	9 Mei
Awang Haji Dayang bin Haji Kasim	12 Mei
Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad	14 Mei
Awang Yahya bin Haji Nasir	16 Mei
Dayang Marinah binti Jumat	16 Mei
Dayangku Hjh. Fatimah binti Pg. Haji Mohd. Noor	20 Mei
Dayang Hajah Sabarikh binti Haji Drahman	20 Mei
Dayang Dona Azfina binti Ibrahim	21 Mei
Dayang Hajah Rohayah binti Haji Awang Japar	21 Mei
Awang Haji Hassim bin Haji Murah	22 Mei
Awang Haji Roslan bin Haji Mohd. Daud	23 Mei
Awang Mohd. Zulaidi bin Muhammad	25 Mei
Dayang Marliana binti Haji Jamal	25 Mei
Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi	27 Mei
Dayang Hajah Norpisah binti Mohamed Salleh	27 Mei
Dayang Mastinah binti Malik	28 Mei